

ARTIKEL KESELAMATAN JALAN RAYA:

BAHAYA LAJU: MASIH RAMAI PEMANDU INKAR

Pelanggaran jalan raya merupakan fokus utama di sesebuah negara dan Malaysia juga tidak terkecuali ekoran ia melibatkan nyawa dan kecederaan manusia, kerosakan harta benda dan kerugian sehingga berjuta-juta ringgit yang terpaksa ditanggung khususnya mangsa, keluarga mereka dan pihak kerajaan. Menurut statistik pelanggaran pada 2018, jumlah nyawa yang terkorban dicatatkan konsisten dengan angka 6,000 sepanjang dekad yang lalu dan indeks per 100,000 populasi penduduk ialah sebanyak 19.39. Lantaran itu, dalam konteks artikel ini, fokus khusus ialah isu sikap pemandu yang suka memandu laju.

Memandu melebihi had laju merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 40(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan penyebab utama kematian akibat pelanggaran jalan raya di serata dunia. Berdasarkan laporan penyiasatan pelanggaran yang dikeluarkan oleh MIROS pada 2020, tingkah laku pemanduan berisiko dan memandu melebihi had laju merupakan penyumbang bilangan kematian tertinggi dan dapatan data adalah konsisten sepanjang tempoh 6 tahun (2011-2016).

Dalam pada itu, berhubung kenyataan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada 2017, memandu melebihi had laju menyumbang kepada 30% kematian akibat nahas jalan raya di negara berpendapatan tinggi. Sementara di negara berpendapatan rendah dan sederhana, ia merupakan faktor utama iaitu dianggarkan menyumbang kepada separuh daripada jumlah keseluruhan kes pelanggaran. Pemanduan melebihi had laju berpotensi meningkatkan risiko kejadian pelanggaran dan mengakibatkan kecederaan parah. Setiap 1% peningkatan dalam min kelajuan akan menghasilkan 3% peningkatan dalam risiko kecederaan parah, dengan 4 hingga 5% peningkatan dalam bilangan maut.

Meskipun menyedari signifikan bahaya pemanduan melebihi had laju, didapati masih ramai pemandu di Malaysia ingkar. Mereka tetap melakukan kesalahan sama walaupun mencatat pungutan saman tertinggi saban tahun. Alasan mereka yang cenderung untuk memandu laju adalah seperti kurang mengambil perhatian terhadap had kelajuan kenderaan yang dipandu, faktor tekanan masa ingin cepat sampai ke

destinasi, kurang kenderaan di atas jalan raya dan tidak pasti ketetapan had laju di sesuatu kawasan.

Pemandu yang kerap memandu laju sering dikaitkan dengan dambakan keseronokan, pencapaian sensasi dan cabaran dengan kelajuan maksima. Sikap menunjuk-nunjuk kehebatan memiliki kenderaan berkuasa tinggi dan kelajuan ialah satu petunjuk kepuasan seolah-olah menjadi trend semasa. Faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya memandu laju, menunjuk kehebatan kemahiran memandu laju, berani mengambil risiko sehingga terjebak dalam aktiviti kegiatan lumba haram juga antara penyebab lain. Lama kelamaan, sikap ini menjadi tabiat dalam pemanduan seharian dan pemandu beranggapan bahawa budaya memandu laju ialah satu kebiasaan dan ia tidak menjadi satu kesalahan sekiranya mereka melakukannya.

Menurut kajian MIROS ke atas 1,194 orang pemandu dan penunggang, 77% melaporkan pernah memandu melebihi had laju yang telah ditetapkan 10km/j dan 71% melebihi 20km/j dalam tempoh sebulan lepas meskipun seramai 62% daripada mereka bersetuju bahawa memandu laju merupakan satu permasalahan serius. Mereka juga mengakui kebarangkalian dikenakan saman oleh pihak penguat kuasa sekiranya melakukan kesalahan memandu melebihi had laju ialah sebanyak 60% sahaja.

Oleh yang sedemikian, bagi membendung permasalahan ini, kajian lanjutan mengenai perkaitan antara punca pelanggaran jalan raya dan sikap pemandu yang suka memandu laju perlu dilaksanakan secara terperinci dan mendalam. Adalah amat wajar golongan pemandu terlibat diberi didikan dan kesedaran berhubung bahaya dan impak memandu laju menerusi pendidikan, kempen dan kursus yang komprehensif. Pemandu perlulah sentiasa beringat bahawa malang tidak berbau dan suka memandu laju ialah satu perbuatan yang merbahaya dan berisiko tinggi. Kelajuan menyeronokkan tetapi ia mungkin membunuh.

Penulis:

Noradrenalina Isah

Pegawai Penyelidik

Kluster Speed

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03-8924 9200 E-mel: inquiry@miros.gov.my